HARI : TARIKH :

SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

Fungsi Ruang

Ruang mempunyai pelbagai fungsi dalam karya seni visual. Ruang fizikal ataupun ruang nyata membolehkan karya seni dilihat daripada pelbagai sudut. Interaksi antara karya seni dan audiens membolehkan pengalaman estetik berlaku. Audiens akan dapat melihat kualiti sebenar karya tersebut dari segi bahan, gaya, kehalusan dan mesej yang ingin disampaikan.

Ruang ilusi ataupun ruang tampak pula berfungsi untuk memperlihatkan karya seni 2D seperti 3D. Perkara ini dilakukan melalui aplikasi ruang cetek, ruang dalam dan ruang rata.

Ung Chee Hwa, *In The Morning Light*, 2013, Cat minyak

Ruang mempengaruhi warna dan saiz berdasarkan jarak.

Mokhtar Ishak, *Kampung di Tumpat*, 2001, Cat air

Ruang dapat menampakkan jarak antara satu objek dengan objek yang lain.

Raja Shahriman Raja Aziddin, *Harimau Berantai*, 2006, Besi Koleksi LPSVN

Ruang nyata membolehkan karya seni dilihat daripada pelbagai sudut.

Rajah 6.2 Fungsi ruang dalam karya seni

Perkaitan Ruang dan Perspektif

Ruang berkait rapat dengan perspektif. Perspektif ialah kesan ilusi objek dalam kedudukan arah mata dengan kaki langit. Perspektif dapat membahagikan tiga ruang dalam penghasilan karya iaitu, ruang tengah, ruang depan dan ruang belakang. Perubahan saiz, warna dan jarak berlaku apabila dilihat dari jauh.

Semua garisan perspektif akan bertemu pada satu titik pusat, iaitu **titik lenyap**. Rajah berikut menunjukkan contoh perspektif satu titik lenyap dan dua titik lenyap.



Rajah 6.3 Perspektif satu titik lenyap

LIVEWORKSHEETS

Teknik Penghasilan Ruang

Ruang menjadi sebahagian daripada unsur penting dalam penghasilan karya seni visual. Penggunaan ruang dimanipulasikan melalui cara seseorang pengkarya itu melihat dan kesannya kepada kita. Rajah berikut menunjukkan teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan unsur ruang.

Lai Fong Moi, *Pagi Hari di Kampung*, 1959, Cat minyak
Koleksi LPSVN

Perubahan saiz

Khalil Ibrahim, *Kampung Scene*, Circa 1955 – 56, Cat minyak atas kanvas

Imej terang dan kabur

Zaliha Shaari, *Mid-West Horizon*, 1990, *Fabric Collage*

Tindanan

Ch'ng Huck Theng, *The Good Old Days*, 1995, Cat minyak atas kanvas

Perbezaan warna

Teknik Penghasilan Ruang

Ismail Mat Hussin, *Musicians*, 1976, Batik

Bayang-bayang



Reka letak grafik



Garisan perspektif

LIVEWORKSHEETS